

Tiga cadangan insentif untuk menggalakan kedatangan pelancong sebagai salah satu penyumbang utama ekonomi negara -TPM

By Admin

Published on January 31, 2016

Deputy Prime Minister of Malaysia | Home Minister

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi akan membawa usul kepada kabinet dan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengenai insentif untuk menggalakan pelancong ke Malaysia bagi penyumbang utama ekonomi negara sebagai satu platform.

Zahid Hamidi akan mengemukakan tiga cadangan insentif kepada kabinet, antara insentif itu ialah pengurangan cukai korporat kepada syarikat-syarikat pelancongan, pemberian elaun kepada pegawai syarikat pelancongan yang menjalankan promosi di luar negara dan insentif terakhir ialah akan diberikan peruntukan khusus bagi menampung kos promosi, percetakan dan pengiklanan.

Zahid Hamidi memberi cadangan demikian ketika merasmikan Majlis Penutupan Tourism Fair Persatuan Pelancongan dalam Malaysia (MITA) 2016.

Ahmad Zahid berkata, bagi menjana ekonomi negara beliau berharap agar ketiga cadangan itu dapat diberikan pertimbangan oleh kerajaan kerana keyakinan beliau untuk sektor pelancongan akan memberi sumbangan dan pembangunan ekonomi negara.

Platform dalam industri pelancongan ini, kita boleh peroleh pendapatan negara dalam 100 peratus tanpa ada wang yang dibawa keluar dari negara ini berbanding sektor perindustrian.

Jika kita lihat sektor perindustrian ia tertumpu pada barangan eksport, 80 peratus komponen barangan terpaksa di import dan kos pembuatan akan bertambah dan kos pembuatan juga terpaksa dibayar kepada negara pengeluar. Manakala dalam sektor pelancongan kita akan menjana pendapatan 100 peratus yang akan diberi terus kepada pihak industri tempatan.

Ahmad Zahid berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menyasarkan lapan juta pelancong dari negara China datang ke negara ini dan Majlis ekonomi telah memutuskan agar pelancong dari negara itu tidak dikenakan bayaran Visa.

Jadi kita menyasarkan lapan juta pelancong dari China, itu akan mendapat menjana pendapatan sebanyak 22.11 bilion setiap tahun. Usaha yang kerajaan lakukan bagi menggalakan kedatangan pelancong asing dengan pengecualian Visa untuk memudahkan kedatangan pelancong ke negara ini tegas Zahid.

Blog at WordPress.com.

Source: <http://zahidhamidi.com/2016/01/31/tiga-cadangan-insentif-untuk-menggalakan-kedatangan-pelancong-sebagai-salah-satu-penyumbang-utama-ekonomi-negara-tpm/>